

20 OCT 2000

ASEM-PERDAGANGAN

PEMIMPIN ASEM DIJANGKA SETUJU RUNDINGAN WTO MESTI CERMINKAN

KESEIMBANGAN

Oleh: E. Sivabalan

SEOUL, 20 Okt (Bernama) -- Para pemimpin Asia Timur dan Eropah yang mula bermesyuarat di sini hari ini dijangka akan bersetuju mengenai pusingan baru rundingan perdagangan pelbagai hala Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) yang akan membuka lebih banyak peluang memasuki pasaran bagi negara-negara membangun dan kurang membangun.

Para pemimpin yang menghadiri Mesyuarat Asia-Eropah (ASEM) yang diadakan selama dua hari, dijangka akan meluluskan Kenyataan Pengerusi yang menggesa supaya agenda rundingan mencerminkan "keseimbangan keseluruhan yang memenuhi kepentingan semua anggota WTO, termasuk negara-negara membangun.

"Ini boleh dicapai dengan memasukkan pendekatan ini dalam agenda yang dibuat, tanpa pengecualian kepentingan anggota individu WTO, yang mahukan WTO terus relevan dalam ekonomi dunia," demikian menurut deraf terbaru Kenyataan Pengerusi.

Untuk itu, para pemimpin menegaskan bahawa kehendak politik dan keanjalan serta dialog terbuka dan membina di kalangan semua anggota WTO adalah penting bagi menyediakan asas persetujuan mengenai pelancaran pusingan baru, kata dokumen itu.

Mereka menggariskan komitmen mereka untuk bekerjasama bagi menggalakkan liberalisasi dan mengukuh dan memajukan peraturan menerusi pusingan baru rundingan perdagangan itu.

"Mereka bersetuju untuk meningkatkan usaha mereka dengan anggota-anggota WTO lain untuk melancarkan pusingan itu secepat mungkin," kata dokumen itu.

Semalam, Menteri Luar Malaysia Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata Malaysia akan menjadi tuan rumah Persidangan Pelicinan Perdagangan WTO.

Sementara itu, para pemimpin juga menyambut baik rundingan yang buat secara positif dan membina di bawah agenda-agenda sedia ada yang telah dijalankan setakat ini.

Para pemimpin sedar bahawa "keputusan yang lebih bermakna dan seimbang dalam tempoh masa yang munasabah boleh dicapai sekiranya rundingan dijadikan sebagai sebahagian pusingan baru.

Oleh itu, terdapat juga pemahaman umum di kalangan mereka bahawa kemajuan dalam rundingan-rundingan yang dimandatkan akan memberi kesan positif ke atas rundingan perbagai hala itu, katanya.

Para pemimpin juga menegaskan bahawa kepentingan dan kebimbangan negara-negara membangun dan kurang membangun akan ditangani menerusi berbagai cara, termasuk menerusi peluang kemasukan pasaran yang lebih baik dan bantuan teknikal bagi meningkatkan keupayaan, dan menangani isu-isu yang berkaitan dengan pelaksanaan perjanjian Pusingan Uruguay.

Mereka sedar bahawa penyertaan penuh dalam WTO oleh para anggota ASEM akan mengukuhkan sistem itu. Mereka juga mengulangi sokongan mereka bagi rundingan kemasukan anggota ASEM yang belum memasuki WTO dipercepatkan menerusi pertukaran maklumat, pengalaman dan kerjasama teknikal yang berlandaskan kepada komitmen kemasukan pasaran yang diterima dan mengikut peraturan-peraturan WTO.

Para pemimpin juga menyambut baik pencapaian Tabung Amanah ASEM (ATF) dalam membantu meringankan kesan krisis ekonomi dan kewangan yang melanda negara-negara Asia.

Mereka menyeru menteri-menteri kewangan ASEM dalam mesyuarat mereka di Kobe, Jepun pada Januari 2001 supaya menentukan modaliti bagi Fasa Dua ATF.

Selepas menilai kelemahan pasaran kewangan antarabangsa, para pemimpin juga bersetuju untuk mengambil langkah-langkah lanjutan untuk mengukuhkan sistem kewangan antarabangsa dan memastikan kestabilan jangka panjang. Mereka memberi penekanan kepada perubahan kewangan domestik dan tatacara pentadbiran korporat.

"Mereka bersetuju untuk berusaha mengamalkan prinsip liberalisasi kewangan yang tersusun," kata deraf Kenyataan Pengerusi itu.

Para pemimpin turut menyatakan mereka mahukan perkembangan yang lebih ketara diputuskan di Mesyuarat Menteri-Menteri Kewangan ASEM di Kobe dalam hal ehwal kewangan.

ASEM terdiri dari 10 negara Asia Timur termasuk Malaysia dan 15 negara Eropah serta Suruhanjaya Eropah.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menghadiri ASEM ketiga di sini. -- BERNAMA

ES MR JR